

NASIB SEKOLAH AGAMA

NORUL FIRDAUS KHAIRI, NUR FARHANA ABD MANAN, ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN, IZZATUL IZZAH TAHIR, HIDAYAH HAIROM, NORAFIZA JAAFAR, AHMAD ISMADI ISMAIL, MARLIA ZAKARI, NOR AZIHAN GHAZALI & MUHAMMAD FAIZ SULONG

Sekolah terdedah kepada risiko

Kafa Integrasi As Syarif Telok Datok terletak terlalu hampir dengan jalan raya, sungai

BANTING - Kebanyakan ibu bapa kini lebih selesa memilih sekolah yang mempunyai aliran agama bagi memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Namun, tiada satu pun pihak memandang aspek keselamatan sebagai faktor utama dalam memastikan isu keselamatan di sekolah terpelihara.

Tinjauan *Sinar Harian* ke beberapa sekolah agama di sekitar Kuala Langat mendapati Kafa Integrasi As Syarif Telok Datok antara sekolah yang terdedah dengan bahaya berikutan kesesakan lalu lintas dan terdapat sungai berhampirannya.

Pengerusi pentadbiran sekolah berkenaan, Zawalam Mashod berkata, beliau mengakui warga sekolah termasuk ibu bapa bimbang berhubung isu tersebut.

Memurutnya, jarak jalan raya dan sungai terlalu dekat dengan sekolah.

"Bayangkan jarak bangunan sekolah dengan jalan raya utama hanyalah enam meter manakala sekolah dengan sungai pula sejauh 10 meter.

"Saya harap ada usaha mengatasi masalah ini memandangkan sekolah ni pun masih tak ada pengawal keselamatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Zawalam memaklumkan, pelbagai aktiviti luar murid-murid terpaksa dipantau berikutan jarak sekolah yang hampir dengan sungai.

"Kadang-kadang kami lihat murid akan berlari berhampiran semak samun kat belakang sekolah semata-mata nak tengok aktiviti kapal yang



Kawasan semak-samun dan jarak sungai yang terlalu dekat dengan sekolah dikhuatiri mengundang bahaya kepada warga Kafa Integrasi As Syarif.

melalui sungai.

"Sebagai pengerusi, saya bimbanglah kalau ada binatang berbisa kat kawasan mereka bermain, takut nanti benda lain pula yang jadi.

"Saya harap sangat ada pihak yang sudi bantu...paling tak pun ada usaha nak dirikan tembok dinding nak mengelakkan pelbagai risiko berlaku.

"Tapi saya faham, kadang-kadang kekurangan dana antara faktor yang terpaksa kita hadapi," katanya.

Laluan sibuk berisiko kemalangan

Zawalam berkata, buat masa ini sekolah terbabit tiada pengawal keselamatan berikutan terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan.

"Saya risau lokasi sekolah terlalu hampir dengan jalan raya, risiko kemalangan berlaku memang tinggi... ditambah pula laluan ini sentiasa sibuk.

"Ibu bapa juga sukar nak ambil



Zawalam ketika berbincang dengan wakil guru sekolah berkenaan.

anak-anak mereka berikutan keadaan itu," katanya.

Mengulas mengenai kos yuran yang dianggap membebankan, pihak sekolah memberitahu yuran yang di-

kutip masih lagi berpatutan.

Katanya, yuran yang dikenakan juga termasuk yuran khas bagi penyelenggaraan utiliti dan pembersihan kawasan.

"Saya faham isu yuran pernah timbul di mana-mana sekolah Kafa

tetapi ibu bapa perlu faham pelbagai perkara sekolah terpaksa tanggung sendiri walaupun Kelas Asas Farthu Ain Integrasi (Kafa Integrasi) mengguna pakai kurikulum Jais dan Jakim.

"Berbanding Sekolah Rendah Agama (SRA) mengguna pakai sukatan pelajaran dan kurikulum Jais sepenuhnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelbagai pembangunan dan kemudahan perlu dilaksanakan, tetapi masalah kewangan menjadi halangan.

"Nak pohon kepada ibu bapa pun tak sanggup yuran mahal, barang-barang pun mahal jadi kita usaha cari sumbangan atau peruntukan daripada mana-mana pihak yang sudi demi kepentingan murid di sini," katanya.



Murid terdedah kepada risiko kemalangan berikutan lokasi jalan raya yang hampir dengan laluan keluar masuk sekolah.